

01 NOV 2002

MAHATHIR-GABUNG/I

K'JAAN MUNGKIN TIMBANG KURANGKAN BANK PENERAJU SEDIA ADA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa kerajaan mungkin menimbang mengurangkan bilangan bank-bank peneraju sedia ada yang kini berjumlah 10 buah.

"Mungkin kita terpaksa melakukannya dengan amat amat lembut," katanya pada majlis makan malam tahunan Persatuan Bank-bank Saudagar di sini malam ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata bahawa kerajaan kadang kala telah mengambil tindakan yang tidak disukai oleh sektor swasta.

Beliau menyebut contoh urusan penggabungan di kalangan bank-bank di Malaysia.

Katanya bahawa langkah yang telah diambil itu memandangkan kerajaan menjangka cabaran-cabaran lebih besar dari luar dengan kemunculan globalisasi, yang membolehkan bank-bank asing beroperasi di negara ini.

"Ini akan bermakna bahawa bank-bank tempatan terpaksa bersaing dengan bank-bank asing. Jika bank-bank tempatan adalah kecil, mereka mungkin tidak mampu bersaing. Jadi, dengan menyatukan bank-bank itu, kerajaan berharap menjadikannya kukuh untuk mampu bersaing," kata Dr Mahathir.

Pusingan penyatuan perbankan sebelum ini digerakkan oleh kerajaan pada 2000 apabila ia mengenakan syarat permodalan RM2 bilion ke atas bank-bank. Ini menyebabkan 54 bank dikurangkan kepada 10 kumpulan perbankan teras yang beroperasi hari ini.

Yang terakhir daripada pusingan penggabungan pertama, iaitu penggabungan antara Bank Utama Bhd dan RHB Bank Bhd, dijangka diselesaikan menjelang 15 Disember tahun ini.

Minggu lalu, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, dilaporkan telah berkata bahawa "dua hingga tiga" penggabungan lagi dijangka berlaku di kalangan bank tempatan ketika negara ini menghampiri liberalisasi sektor kewangannya.

Perdana menteri juga menasihati bank-bank tempatan supaya memperkenalkan skim pembiayaan baru untuk membantu syarikat-syarikat kecil memasuki pasaran-pasaran baru seperti di Asia Barat.

"Pasaran Asia Barat adalah satu peluang yang baik bagi Malaysia untuk meningkatkan perdagangan manakala perdagangan di antara AS dan Malaysia sedang menderita akibat keadaan ekonomi AS sekarang.

"Strategi kita ialah untuk meningkatkan perdagangan dengan bahagian-bahagian lain di dunia dan memperkenalkan keluaran-keluaran kita yang baik (berkualiti)," kata beliau.

Dr Mahathir berkata bahawa beliau telah mencadangkan kepada Kabinet agar kerajaan membina sebuah pusat pameran dan perdagangan khas di Bahrain bagi pengeluar-pengeluar Malaysia untuk mempamerkan keluaran-keluaran mereka.

"Sekiranya kita mahu mengembangkan (ekonomi kita) sekali lagi sebagai pernah berlaku sebelum (krisis kewangan 1997/98), kita perlu mengenal pasti pasaran-pasaran baru dan membuat tawaran-tawaran yang agresif," katanya.

-- BERNAMA

WNZ MKO FR OS